

# Syarat pinjaman tidak harus beban pengusaha IKS: Mahathir

10 JUL 2001

Oleh Wan Esuriyanti  
Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta institusi kewangan tidak mengenakan syarat pinjaman yang terlalu membebankan pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) kerana sektor itu berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berkata, ada bank terlalu berhati-hati dalam memberi pinjaman kepada syarikat IKS sehingga ada antara mereka terpaksa gulung tikar.

“Ini adalah perkara yang merugikan negara apabila modal yang dilabur hilang begitu saja.

Institusi kewangan diminta memberi perhatian sewajarnya kepada IKS kerana sektor itu berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara

dana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh; dan Pengarah Urusan The Royal Mint of Malaysia, Datuk Megat Mohamad Abdul Wahab.

Dr Mahathir berkata,

tilah bijak menggunakan sumber tempatan dan meningkatkan nilainya.

“Dengan usaha ini, bukan saja sumber tempatan dapat digunakan dengan kos yang lebih rendah, tetapi juga akan meningkatkan ekonomi negara dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat,” katanya.

Usaha yang sepatutnya berupaya menjana pertumbuhan positif, kini berubah kepada pertumbuhan negatif.

"Bank perlu memainkan fungsi lebih aktif dalam membantu pengusaha IKS seperti memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan, pentadbiran dan pemasaran.

"Saya menyeru institusi kewangan supaya memberi perhatian sewajarnya kepada sektor IKS. Janganlah mengenakan syarat pinjaman yang terlalu membebaskan," katanya ketika melancarkan duit syiling bulion Malaysia yang diberi nama Kijang Emas di sebuah hotel sini, petang ini.

Bank Negara hari ini mengeluarkan duit syiling bulion Malaysia yang akan dijual oleh 30 cawangan Maybank dan 25 cawangan Bank Bumiputra-Commerce, mulai esok.

Duit syiling bulion itu dikeluarkan oleh The Royal Mint of Malaysia.

Turut hadir, isteri Per-

pengusaha IKS adalah antara sektor penting yang mendapat perhatian kerajaan sebagai sektor yang berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, keupayaan IKS terhadap jumlah modal dimiliki dan mereka memerlukan bantuan bagi mengembangkan perniagaan ataupun menampung defisit aliran tunai.

Perdana Menteri berkata, cabaran persaingan dalam dunia perniagaan antarabangsa amat sengit dan kerana itu, kemajuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang yang diceburi penting bagi meningkatkan kualiti produk yang dikeluarkan dengan kos yang rendah serta mampu bersaing dengan pengeluaran antarabangsa.

"Pengusaha tempatan mestilah peka dengan tahap kos pengeluaran, produktiviti dan kualiti produk. Pengusaha juga mes-

Di samping itu, Dr Mahathir berkata, usaha berkenaan juga dapat meningkatkan keupayaan persaingan dalam perniagaan terutama kepada mereka yang ingin memasuki pasaran luar negara.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut meminta pengusaha dan peniaga tempatan supaya tidak terlalu bergantung kepada kerajaan kerana dalam arus globalisasi, fungsi kerajaan akan menjadi semakin terhad.

"Oleh itu, pengusaha tempatan harus bijak mengambil peluang yang ada, mempunyai kekuatan, semangat dan daya tahan yang tinggi dalam mengharung arus globalisasi ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengeluaran Kijang Emas oleh The Royal Mint of Malaysia melambangkan keberanian dan semangat mampu bersaing pengusaha IKS tempatan dengan negara lebih maju.

Beliau berkata, kerajaan ingin melihat banyak lagi

produk kraftangan tempatan yang kreatif, menarik dan berkualiti dihasilkan oleh IKS tempatan lain.

"Pengeluaran Kijang

Emas ini bukan setakat untuk memperkenalkan Malaysia di mata dunia, tetapi juga menyediakan pilihan bagi orang ramai

untuk melabur dan menabung.

"Dengan harga emas yang secara relatif lebih stabil, pelaburan dalam

Kijang Emas dapat mengimbangi risiko portfolio pelaburan lain seperti pasaran saham," katanya.